



NOH OMAR

Projek PPR tak lebih 500 unit elak kesesakan



KUALA LUMPUR - Kerajaan bercadang untuk menghadkan pembinaan rumah Projek Perumahan

Rakyat (PPR) kepada 500 unit bagi setiap projek untuk mengelakkan masalah kesesakan dan kepadatan penduduk.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri

Noh Omar berkata, jumlah unit yang dibina juga akan bergantung kepada keluasan keseluruhan tapak projek.

“Peruntukan tempat letak kereta bagi PPR ditambah kepada 1:1 berbanding PPR terdahulu yang hanya mem-

peruntukkan satu tempat letak kereta bagi empat unit rumah.

“Keluasan lantai juga ditambah kepada 65.03 meter persegi selain ditukar kepada kemasan jubin,” katanya pada sidang Dewan

Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Noraini Ahmad (**BN-Parit Sulong**) yang meminta penjelasan berhubung penambahbaikan yang telah dan akan dilaksanakan kerajaan di kawasan PPR.